

## CABARAN-CABARAN PENDIDIKAN DALAM NOVEL-NOVEL RE. KARTHIGESU BERDASARKAN TEORI HIERARKI KEPERLUAN MASLOW

Malarvili Jaganathan  
Manonmani Devi M.A.R Annamalai

### ABSTRAK

*Kajian ini bertujuan mengenal pasti cabaran-cabaran pendidikan yang dihadapi oleh watak-watak utama dalam novel-novel Re. Karthigesu berdasarkan teori Hierarki Keperluan Maslow, menganalisis strategi-strategi yang diambil oleh watak-watak utama dalam novel-novel Re. Karthigesu untuk mengatasi cabaran pendidikan dan mengkaji keberkesanan strategi keperluan hierarki dengan pencapaian pendidikan watak utama dalam novel-novel terpilih. Reka bentuk kajian adalah kaedah kualitatif yang menggunakan kajian kepustakaan yang menggunakan kaedah analisis kandungan dan analisis deskriptif. Analisis dan perbincangan dibuat berpandukan Teori Hierarki Keperluan Maslow. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tiga watak utama daripada lima watak dapat mengatasi cabaran pendidikan yang dihadapi dengan menggunakan beberapa strategi untuk mengatasi masalah tersebut. Pendidikan ialah satu sistem dalam sesebuah kehidupan yang mengandungi aktiviti-aktiviti berkaitan dengan pembentukan dan perkembangan ilmu, kemahiran, kerohanian dan jasmani manusia.*

Kata kunci: Cabaran Pendidikan, Novel Re. Karthigesu, Teori Hierarki Keperluan Maslow

### PENGENALAN

Novel berasal daripada perkataan 'Novella' iaitu bahasa Itali, manakala novel pula dipanggil 'puthinam' dalam bahasa Tamil atau boleh juga dikatakan sebagai sebuah cerita yang panjang. Selain itu, novel merupakan cerita imaginasi pengarang novel yang memberi ruang kepada mereka yang menceritakan sesuatu peristiwa secara mendalam. Novel merupakan bentuk rakaman tulisan yang menyentuh tentang perwatakan yang kita sering ketemui dalam kehidupan seharian seseorang. Di samping itu, novel adalah merupakan cerita dalam bentuk prosa, biasanya panjang dan kompleks, yang berkaitan dengan pengalaman manusia dan kelakuan sosial.

Pada masa yang sama, novel juga merupakan karya kreatif yang memberi ruang yang luas kepada penulis untuk melukis peristiwa-peristiwa yang timbul dalam pemikirannya atau pengalaman dengan terperinci dan menarik. Setiap proses penulisan ini mempunyai kedudukan yang tersendiri kerana wujud satu hubungan antara karya kreatif dengan pengaruh daripada zaman (Tamil Kalai Kalanciam, 1950). Hasil kajian ini bertujuan untuk meneliti gambaran tentang cabaran-cabaran pendidikan yang dihadapi oleh watak-watak utama dalam novel hasil nukilan Re. Kartigesu (1981) iaitu Vaanathu Veligal (1981), Thediyirukum Tharunanggal (1993), Anthima Kaalam (1998), Kadhalinaal Alla (1999) dan Sudhattam Aadum Kaalam (2005). Tumpuan diberikan terhadap perbincangan gambaran cabaran pendidikan dalam novel ini dengan menggunakan pendekatan teori Hierarki Keperluan Maslow sebagai perbincangan.

Ilmu kesusasteraan merupakan ilmu yang boleh membangunkan aspek kerohanian dalam diri individu. Melalui pembacaan karya-karya sastera dikatakan berkeupayaan untuk membangunkan pemikiran dan keinsanan seseorang itu. Pelbagai masalah sosial umpamanya boleh dirawat dengan membangunkan rohani manusia itu. Oleh itu, ilmu kesusasteraan menjadi medium yang relevan bagi tujuan pembangunan rohani ini. Hal ini turut dipersetujui oleh ramai sarjana yang mengatakan bahawa dengan membaca karya sastera boleh membangunkan diri insan, sama ada jiwa dan pemikirannya (Shahnon 1991 dan Teeuw 1995).

Menurut Kamus Dewan (2007), cabaran melibatkan elemen atau faktor yang menguji kecekapan dan daya tahan sesebuah organisasi. Pendidikan merupakan salah satu agenda terpenting yang akan menjejaskan kualiti dan ketamadunan negara di dunia ini. Rakyat dianggap mundur tanpa pendidikan. Menurut Wan Hassan (2007), individu dan keluarga yang mempunyai ilmu dan meletakkan ilmu sebagai cara hidup lebih mudah untuk membuat keputusan berdasarkan maklumat.

Dalam kajian ini, pengkaji ingin mengkaji cabaran yang dihadapi oleh watak-watak utama dalam novel-novel Re. Karthigesu. Pendidikan ialah satu sistem dalam sesebuah kehidupan yang mengandungi aktiviti-aktiviti berkaitan dengan pembentukan dan perkembangan ilmu, kemahiran, kerohanian dan jasmani manusia. Pengkaji akan mengkaji cabaran-cabaran pendidikan yang dihadapi oleh watak-watak utama dalam novel serta menganalisis strategi-strategi yang diambil oleh watak-watak utama.

### PERNYATAAN MASALAH

Re. Karthigesu ialah seorang penulis terkenal dalam kesusasteraan Tamil Malaysia. Selain itu, beliau juga merupakan bekas pendidik Institusi Pengajian Tinggi yang pernah menjawat jawatan profesor. Justeru, lukisan novelnya pastinya mempunyai pelbagai keunikan kerana beliau menguasai budaya Tamil di Malaysia dan bijak mengaplikasikan perkara tersebut ke dalam karyanya. Tambahan pula Ramaiyah, M. (1996) yang membincangkan sejarah sastera Tamil Malaysia telah meletakkan Re. Karthigesu sebagai tokoh pertama dalam senarai penulis Malaysia. Memandangkan keadaan ini, pengkaji beranggapan bahawa novel Re. Karthigesu yang merupakan seorang tokoh intelek pastinya memiliki pelbagai keistimewaan. Di samping itu, pengkaji turut terpanggil untuk melihat sejauh manakah seorang tokoh penulis yang tersohor dalam bidang akademik ini mengupaskan serta menggambarkan cabaran pendidikan yang dihadapi oleh watak utamanya dalam hasil karya beliau.

Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006-2010 merupakan satu dokumen perancangan pembangunan yang menggariskan fokus, strategi utama dan pelan pelaksanaan untuk menjadikan pendidikan negara relevan dengan keadaan semasa dan

masa depan. Pendidikan yang berkualiti dan cemerlang merupakan wahana usaha membangunkan generasi alaf baru, yang akan menjelang dua tahun akan datang. Pendidikan adalah nadi pembangunan sesuatu bangsa dan negara. Tanpa sistem pendidikan komprehensif dan mantap sejajar dengan perkembangan zaman, sesuatu bangsa atau negara boleh dianggap sebagai gagal dalam melaksanakan tanggungjawab kepada rakyatnya.

Kemiskinan adalah keadaan yang orang tidak memerlukan kehidupan. Menurut Awang Had Salleh (1995), kemiskinan boleh menyebabkan pencapaian pendidikan rendah dan seterusnya menyebabkan kemiskinan diwariskan daripada ibu bapa kepada anak-anak. Birdsall (1980), mengaitkan masalah kemiskinan dengan isu pendidikan dengan mengatakan bahawa kemiskinan bukan hanya terbatas kepada maksud ketaksamaan pendapatan serta pendapatan yang rendah tetapi termasuk dengan tahap pendidikan yang kurang, tahap kesihatan yang kurang baik dan jangka hayat yang rendah. Oleh itu jelas bahawa, keciciran kanak-kanak masyarakat India dari pelbagai aspek adalah disumbangkan oleh faktor kemiskinan keluarga dan ia menunjukkan bahawa pembangunan keluarga berhubung rapat dan berupaya mempengaruhi dengan pendidikan anak-anak.

Pendidikan yang berkesan dalam pembentukan anak-anak melibatkan peranan ibu bapa. Hal ini dapat membuktikan dalam kajian Zulkifli *et.al.* (2011) menunjukkan penglibatan ibu bapa memberi kesan sebanyak 74.5% ke atas pencapaian anak. Bagi ibu bapa, mereka tidak berpendapat bahawa pendidikan harus bermula dan berakhir di sekolah. Sidek Baba (2009); Zainon dan Ahmad (2008) mengatakan sekiranya ibu bapa tidak peduli tentang pendidikan anak-anak sejak awal umurnya lagi, hal ini memberi petanda keciciran akan berlaku. Menurut mantan Timbalan Menteri Pendidikan, Teo Nie Ching berkata bahawa ibu bapa yang gagal menghantar anak ke sekolah berdepan kemungkinan akan dikenakan denda sebanyak RM5,000 ataupun penjara selama enam bulan. Berdasarkan pernyataan di atas dapat menimbulkan keinginan kepada pengkaji untuk membuat kajian terhadap cabaran pendidikan yang berlaku atas sebab kecuaiannya ibu bapa dan ingin menganalisis juga tentang langkah-langkah yang diambil oleh watak-watak dalam mengatasinya.

Menurut Zainudin Sharif dan Norazmah Mohamad Roslan (2011), dalam kajiannya menyatakan bahawa kadar penglibatan remaja dalam masalah sosial yang semakin serius semuanya berpunca dari beberapa faktor dalaman dan luaran seperti diri sendiri, latar belakang keluarga, pengaruh rakan sebaya dan juga persekitaran keluarga. Permasalahan ini perlu ditangani dengan segera bagi melahirkan sebuah bangsa yang berjaya. Oleh yang demikian, semua pihak haruslah bekerjasama dan ibu bapa khususnya memainkan peranan yang penting dalam mencorakkan masa depan anak-anak mereka supaya menjadi remaja dan belia yang menyumbang kepada kemajuan negara.

Pada tahun 2017, Malaysian Indian Blueprint, iaitu Pelan Tindakan Masyarakat India Malaysia telah diterbitkan oleh Pejabat Perdana Menteri, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Putrajaya khususnya untuk masyarakat India di Malaysia. Dalam Pelan Tindakan ini, bidang pendidikan kaum India turut diberi penekanan dan perhatian untuk meningkatkan kualiti pendidikan dan pencapaian dalam kalangan pelajar India. Menurut Pelan Tindakan ini, cabaran utama kaum India adalah dalam pencapaian pendidikan yang rendah. Statistik yang diperolehi dalam Pelan Tindakan ini membuktikan bahawa remaja India Malaysia memiliki pencapaian pendidikan yang rendah adalah lebih tinggi berbanding kaum-kaum yang lain.

Berasaskan kepada situasi semasa dan permasalahan yang dihadapi dalam kalangan pelajar kaum India, kajian ini akan memberikan tumpuan kepada pelajar-pelajar India yang kurang motivasi belajar. Melalui kajian ini juga, beberapa kaedah atau cara akan dikenalpasti bagi menangani pelajar yang kurang bermotivasi untuk meningkatkan pencapaian akademik justeru membentuk tingkah laku yang positif. Pelajar-pelajar kaum India yang kurang motivasi dan mempunyai pencapaian akademik yang rendah akan menjadi sasaran dalam kajian ini untuk mendapatkan maklumat atau dapatan kajian. Di samping itu, kajian yang dijalankan oleh Universiti Teknologi Petronas (2013), mendapati prestasi pendidikan di Semenanjung Malaysia, negeri Perak berada pada tahap yang terakhir.

## OBJEKTIF KAJIAN

- I. Mengetahui cabaran-cabaran pendidikan yang dihadapi oleh watak-watak utama dalam novel-novel Re. Karthigesu berdasarkan teori Hierarki Keperluan Maslow.
- II. Menganalisis strategi-strategi yang diambil oleh watak-watak utama dalam novel Re. Karthigesu untuk mengatasi cabaran pendidikan berdasarkan teori Hierarki Keperluan Maslow.

## PERSOALAN KAJIAN

- I. Apakah cabaran-cabaran pendidikan yang dihadapi oleh watak-watak utama dalam novel Re. Karthigesu berdasarkan teori Hierarki Keperluan Maslow?
- II. Apakah strategi-strategi yang diambil oleh watak-watak utama dalam novel-novel Re. Karthigesu untuk mengatasi cabaran pendidikan berdasarkan teori Hierarki Keperluan Maslow?

## REKA BENTUK KAJIAN

Dalam kajian ini, pengkaji akan menggunakan kaedah kualitatif untuk mengkaji teori Hierarki Keperluan Maslow dalam novel Re. Karthigesu berdasarkan tujuan bab pertama kajian ini. Kaedah yang digunakan menekankan usaha yang terlibat dalam mencari dan mengemukakan bukti. Kebanyakan penyelidikan dalam bidang ini memberikan penjelasan, tafsiran, atau makna kepada proses komunikasi. Pendekatan ini adalah percubaan untuk memberikan pandangan tentang cabaran pedagogi yang dihadapi oleh protagonis Re. Kartigesu. Oleh itu, kaedah ini cuba mendapatkan maklumat kualitatif dengan memfokuskan kepada sampel dan memfokuskan kepada penyelidikan kualitatif untuk mengumpul maklumat yang banyak. Kajian ini menggunakan pendekatan deskriptif. Dalam usaha untuk mengatasi kesukaran pendidikan dalam novel Re. Kartigesu dan penyelidik menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif untuk menganalisis format deskriptif.

## TINJAUAN LEPAS

V.Mokan telah menjalankan sebuah kajian atas novel yang bertajuk *Anthima Kaalam* yang dihasilkan oleh Re. Karthigesu. Kajian ini telah dikaji oleh beliau pada tahun 2010 bagi kajian Ijazah Sarjana. Kajian ini membuktikan bahawa *Perkembangan Genre Novel Di Malaysia* yang amat pesat mendorong kepada perkembangan kesusasteraan Tamil di Malaysia. Menurut pengkaji, pilihan novel bagi kajiannya merupakan salah satu sebuah novel yang tergolong dalam kategori novel yang bertemakan konsep sosial. Novel ini menggambarkan tentang pengorbanan masyarakat India di Malaysia demi kebaikan keluarga sendiri pada masa dahulu. Pengkaji menjelaskan bahawa penulis novel ini mengingatkan para pembaca yang masih ada anggota masyarakat India yang masih tidak mengabaikan bahasa ibunda mereka, iaitu bahasa Tamil walaupun mereka hidup serba kekurangan.

Pada tahun 2008, tesis sarjana dari Universiti Malaya yang bertajuk *Citra Wanita Dalam Novel-novel Re. Karthigesu* dihasilkan oleh Manonmani Devi bagi kajian Ijazah Sarjana. Tesis ini menerangkan cara watak-watak wanita yang digambarkan dalam novel-novel pilihan pengkaji dari segi sosial, ekonomi dan politik. Pengkaji menggambarkan bahawa watak wanita terpaksa mengharungi kesemua masalah yang sebenarnya biasa dihadapi oleh kaum wanita dalam kehidupan seharian mereka. Beliau juga membincangkan masalah-masalah yang dihadapi oleh kaum wanita dalam bidang pendidikan, masyarakat, keluarga dan perkahwinan. Pengkaji juga mengetahui bahawa kebebasan golongan wanita dalam masyarakat India belum sampai ke tahap yang memuaskan.

Pengkaji yang bernama Balu Subramaniam telah mengkaji *Novel-Novel Karya Re. Karthigesu* berdasarkan *Teori Hermenueitik* pada tahun 2015 di Jabatan Pengajian India, Universiti Malaya bagi kajian Ijazah Doktor Falsafah. Kajian ini bertujuan untuk menerangkan teori dan kaedah menafsirkan makna teks sastera, iaitu hermenueitik. Beliau telah menggunakan karya penulis Re. Karthigesu untuk membuat kajian terhadap teori tersebut. Pengkaji-pengkaji semasa boleh mengambil kajian pengkaji Balu Subramaniam sebagai rujukan tambahan dalam penyelidikan sendiri.


Krishnan Ramasamy telah membuat kajian yang bertajuk *A Stylistic Analysis Of Re. Karthigesu's Novels* (Analisis Gaya Terhadap Novel Re. Karthigesu) pada tahun 2010 bagi kajian Ijazah Doktor Falsafah. Kajian ini memfokuskan kepada penggunaan bahasa Tamil dan alat-alat *stilistik* yang dicerapkan oleh penulis Re. Karthigesu dalam novelnya. Penulis adalah salah seorang penulis kreatif yang terkenal di Malaysia. Pengkaji telah memilih empat buah novel untuk kajian tersebut. Kajian beliau bertema sosial yang berpusat di sekitar masyarakat Tamil yang tinggal di Malaysia. Kajian ini juga menekankan penggunaan ayat dan retorik yang unik bagi pengarangnya. Pengkaji telah membina kerangka teori yang sesuai dengan memasukkan dan mengubah model teori yang ada dalam gaya untuk menganalisis data.

Saravanan P. Veeramuthu (2018) & Manonmani Devi M. A. R Annamalai (2018) telah menulis satu artikel terhadap novel yang bertajuk *Anthinma Kaalam* dihasilkan oleh Re. Karthigesu. Tajuk kajian beliau adalah *Gender Dan Ketidakadilan Dalam Anthinma Kaalam*. Kajian ini bertitik tolak daripada kesedaran bahawa karya-karya sastera oleh pengarang lelaki sering menggambarkan wanita dengan tidak adil. Oleh itu, penelitian ini menyelami sejauhmana pendirian ini menonjol dalam karya Re. Karthigesu. Tujuan kajian ini adalah untuk pengkaji mendekati watak dan perwatakan wanita dalam novel. Novel kajian ini dapat membuktikan bahawa wanita mempunyai imej, pengalaman, suara, keinginan, wawasan, bahasa dan budaya mereka yang dicemari oleh ketidakadilan.

## KERANGKA TEORI

Teori kajian pengkaji ialah Teori Hierarki Keperluan Maslow. Menurut Maslow (1943), tingkat memenuhi keperluan diri ini adalah mengikut susunan secara hierarki. Jika seseorang itu ingin memenuhi satu hierarki keperluan di atas, mereka perlu memenuhi hierarki yang terdahulu. Ini bermakna, seseorang itu tidak mungkin dapat memenuhi keperluan di tingkat atas terlebih dahulu tanpa memenuhi tingkat keperluan di bawah. Teori Maslow ini mengandungi lima peringkat keperluan manusia iaitu fisiologi, kasih sayang, keselamatan, harga diri dan aktualisasi.

Penyelidik dapat mengenal pasti cabaran-cabaran pendidikan yang dihadapi oleh watak utama dalam novel-novel Re. Karthigesu adalah berdasarkan teori hierarki keperluan Maslow. Kemudian, penyelidik dapat menganalisis strategi yang digunakan untuk mengatasi cabaran pendidikan dalam novel-novel tersebut berdasarkan teori yang dipilih. Akhir sekali, pengkaji menilai keberkesanan strategi yang digunakan oleh watak utama dalam novel Re. Karthigesu. Cabaran pendidikan dalam novel Re. Karthigesu dikaji mengikut tahap keinginan manusia yang ditunjukkan dalam hierarki keperluan Maslow. Penyelidik menyediakan rangka kerja teori seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 3 di bawah.



## ANALISIS

Bahagian ini akan membincangkan analisis tahap keperluan dalam lima novel terpilih iaitu, *Vaanathu Veligal* (1981), *Thediyirukum Tharonanggal* (1993), *Anthima Kaalam* (1998), *Kadhalinaal Alla* (1999) dan *Sudhattam Aadum Kaalam* (2005). Novel-novel ini dikarang oleh Re. Karthigesu. Keperluan ini akan muncul dalam diri watak jika mereka mengalami kekurangan sesuatu perkara dalam kehidupan. Setelah keperluan ini dikenal pasti, penyelidik mencari strategi yang telah digunakan oleh watak untuk memenuhi keperluan tersebut.

### Persoalan Kajian 1:

Apakah cabaran-cabaran pendidikan yang dihadapi oleh watak-watak utama dalam novel penulis Re. Karthigesu berdasarkan Teori Hierarki Keperluan Maslow?

### Peringkat Keperluan Fisiologi

Keperluan fisiologi menurut Abraham H. Maslow merupakan keperluan paling asas yang amat diperlukan oleh makhluk hidup. Sebagai contoh, manusia memerlukan keperluan asas ini untuk mendapatkan oksigen, keperluan untuk mendapatkan makanan, minuman, keperluan rehat dan tidur yang mencukupi malah juga keperluan untuk mendapatkan tempat berteduh. Keperluan ini amat ditekankan oleh Abraham H. Maslow dalam *The Hierarchical Theory of Human Needs*. Menurut Abraham H. Maslow lagi, sekiranya keperluan pada peringkat ini tidak dipenuhi, maka individu tersebut tidak akan berhasrat untuk ke peringkat seterusnya (Abraham H. Maslow, 1970: 36-37).

Novel pertama yang dikupas berkaitan keperluan untuk mendapatkan keperluan asas ini ialah novel *Vaanathu Veligal*. Novel ini berlatarkan di kampung dan di bandar, watak utamanya ialah Gunasegaran atau lebih dikenali sebagai Gundan dalam kalangan keluarga dan rakan-rakannya. Dalam novel ini digambarkan bahawa kehidupan Gunasegaran bersama keluarganya yang menghadapi masalah keperluan dan menyelubungi kemiskinan. Mereka sekeluarga telah menjalani kehidupan dalam keadaan serba kekurangan. Oleh sebab, kehidupan mereka dalam kekurangan, ayah dia hendak memperhentikan Gunasegaran daripada persekolahan. Berikut adalah petikan dalam novel tersebut:

“Ayah menanya kepada ibunya, anak awak perlukan RM2 untuk membeli buku ke? Dari esok dia tidak perlu pergi ke sekolah dan mengikut saya untuk mencuci pinggan mangkuk”!

(Vaanathu Veligal, 1981: 10)

Berdasarkan petikan yang diberikan, dapat disimpulkan bahawa disebabkan taraf ekonomi keluarga Gunasegaran yang berada pada tahap yang tidak memuaskan, maka ini akan memberi kesan yang besar kepada Gunasegaran.

Novel kedua dalam kajian ini, iaitu novel *Thediyirukum Tharonanggal* (1993) karya Re. Karthigesu pula menentang watak utamanya seorang remaja yang bernama Surya. Sungguhpun begitu, melihat kepada pekerjaan bapa Surya yang menjadi ejen jualan tanah selepas bersara dan mendapat wang persaraan serta memiliki rumah sendiri di Pulau Pinang, dapat dirumuskan bahawa keluarga mereka tidak mengalami masalah kepada bapa Surya untuk menanggung segala keperluan terhadap

syarat makanan dan minuman. Tambahan pula, Surya merupakan anak pertama dalam keluarga dan terdapat dua lagi adik beradik di bawah Surya. Ayah Surya sanggup menghantarnya ke luar negara untuk melanjutkan pelajaran. Berikut adalah petikan novel tersebut:

Ayahnya, yang membelanjakan sejumlah besar pendapatan yang dia peroleh sebagai posmen, menyakinkan ibu yang tidak senang dengan sesekali mengingatkannya akan masa depan anak-anak lain untuk memuaskan keinginannya untuk belajar.

(Thediyirukum Tarunanggal, 1993: 134)

Pemikiran Surya seperti yang digambarkan dalam petikan telah menunjukkan bahawa Ayah Surya sanggup membelanjakan duit untuk pendidikan Surya walaupun sejumlah besar pendapatan yang dia peroleh sebagai posmen bersara, agak cukup untuk keperluan fisiologi keluarga sahaja.

Novel ketiga ini ialah novel *Anthima Kaalam* yang ditulis oleh Re. Karthigesu pada tahun 1998. Penulis telah mengarang watak utama seorang lelaki yang bernama Sundram. Novel ini mengisahkan kehidupan watak utama Sundram dari kecil hingga ke tua. Sundram ialah seorang pesara dalam jawatan Guru Besar yang tinggal bersama isterinya yang bernama Janaki. Novel ini telah menunjukkan bahawa Sundram mendapat makanan dan minuman yang baik dan secukupnya serta beliau tidak mempunyai sebarang kekurangan dari aspek ini. Segala keperluan dari aspek ini telah diberikan oleh ayah dan kakak kandung serta disediakan oleh Mak Ciknya. Walaupun selepas kematian ayahnya, mereka mempunyai segala keperluan ini. Mereka tidak perlu bimbang tentang masa depannya. Berikut adalah petikan novel tersebut:

Walaupun ketakutan dan kesedihan kerana kehilangan bukti menjadi seorang bapa menawan minda, hakikat bahawa orang-orang di sekelilingnya adalah baik adalah kekuatan besar kepada Sundaram. Ayah tidak pernah membiarkan mereka tidak berdaya seperti itu. Rumah yang mereka duduki adalah sebuah rumah kecil tetapi rumah mereka sendiri. Bank itu juga mempunyai dua ribu perak. Dia telah membuat beberapa barang kemas untuk kakaknya.

(Anthima Kaalam, 1998: 371)

Dengan bukti ini, pengkaji dapat membuktikan bahawa watak utama Sundram dalam novel *Anthima Kaalam* tidak memerlukan keperluan ini.

Seterusnya novel *Kadhalinaal Alla* pula merupakan novel keempat bagi kajian ini. Novel ini berlatarkan kehidupan watak utama yang telah dilahirkan dan membesar di estet. Sikap tidak bertanggungjawab bapa Ganesan terhadap keluarganya turut menyumbang malah menjadi faktor utama kepada kekurangan keperluan fisiologi Ganesan dan keluarganya. Oleh itu, keperluan di peringkat fisiologi ini amat mendesak bagi Ganesan dan dia mahukan keperluan untuk mendapatkan makanan dan minuman yang baik dan mencukupi untuk dirinya dan ibunya. Keadaan ini tidak kekal dalam hidup Ganesan kerana ibu saudaranya telah membawanya dia ke bandar dan memberikan segala keperluan dan kehendak Ganesan yang diperlukan. Oleh itu, Ganesan tidak mengalami masalah kelaparan dalam hidupnya. Ganesan tidak mempunyai sebarang kekurangan dari aspek ini dan beliau boleh mengatakan dalam teksnya dapat dilihat seperti petikan di bawah:

Semua pelajar yang datang ke universiti ini adalah orang yang sedang bekerja. Mereka yang sudah berkeluarga. Mereka adalah orang yang terlepas peluang pengajian tinggi semasa zaman persekolahan kerana kemiskinan dan sebab-sebab lain. Ganesan gembira apabila mengira betapa bertuahnya dia dalam kategori itu. Seorang mak cik datang dalam kehidupannya dan menyertainya sebagai malaikat penjaga. Kebiasaannya dia memberikan RM2000 untuk yuran pengajian dan duit makan pada setiap hujung cuti semester.

(Kadhalinaal Alla, 1999: 767)

Novel tersebut telah menunjukkan bahawa Ganesan mendapat makanan dan minuman yang baik dan mencukupi serta dia tidak mempunyai sebarang kekurangan dari aspek ini. Segala keperluan dari aspek ini disediakan oleh ibu saudaranya.

Manakala novel kelima yang terakhir dalam kajian ini ialah *Sudhattam Aadum Kaalam* yang telah ditulis oleh Re. Karthigesu pada tahun 2005. Watak utama dalam novel ini bernama Kathiresan yang baru tamat pengajian dalam Ijazah Kedoktoran di luar negara dan menjadi pensyarah di Universiti Sains Malaysia (USM). Penulis tidak mengatakan dalam mana-mana bahawa keluarga ini tidak mencukupi makanan dan minuman. Bapa Kathiresan akan memberi wang untuk kegunaan rumah kepada ibu saudara Kathiresan dan dia akan menguruskan segala-galanya. Berikut adalah petikan novel tersebut:

Ayah yang sedang bekerja dan menyelamatkan ibu kandung dan mak cik iaitu adik kepada ayahnya serta dua anaknya yang masih kecil. Oleh sebab pendapatan daripada kerjanya sendiri perlu menjaga seluruh keluarganya menjadikan dia terpaksa menunjukkan kemarahannya terhadap anak kandungnya pula.

(Suddattam Aadum Kaalam, 2005: 898)

Oleh itu, dari aspek keperluan untuk mendapatkan makanan dan minuman yang baik dan mencukupi bukanlah satu masalah besar kepada Kathiresan kerana keperluan ini telah dipenuhi oleh ayahnya.

Secara keseluruhannya, berdasarkan lima novel yang telah dikaji dari aspek keperluan mendapatkan makanan dan minuman yang baik dan mencukupi, hanya satu daripada lima watak yang kekurangan aspek tersebut. Watak tersebut merupakan watak Gunasegaran dalam novel *Vanaathu Veligal*, manakala empat watak lagi tidak mengalami sebarang kekurangan dalam aspek ini.

**Jadual 1: Keperluan Fisiologi dalam novel Re. Karthigesu**

Watak Utama	Peringkat Keperluan Fisiologi
Gunasegaran	✓
Surya	x
Sundram	x
Ganesan	x
Kathiresan	x

### Peringkat Keperluan Keselamatan

Keselamatan adalah aspek yang sangat penting bagi semua orang di dunia ini. Setiap individu yang berakhlak mulia mempunyai dan menginginkan keselamatan yang dapat menjamin kehidupannya sendiri. Keperluan keselamatan setiap individu berbeza-beza. Terdapat sesetengah individu yang sangat terdesak untuk keperluan keselamatan ini sehingga mereka bergantung kepada orang lain di sekeliling mereka. Namun begitu, terdapat juga sesetengah individu yang kurang memerlukan keperluan keselamatan ini, maka seseorang individu itu adalah seorang yang ingin menyendiri dan terasing daripada masyarakat.

Abraham H. Maslow (1970: 49-43) menyatakan bahawa tahap keselamatan ini boleh dibahagikan kepada beberapa aspek, antaranya keselamatan berdasarkan aspek fizikal, emosi, kestabilan ekonomi, dan mendapat perlindungan undang-undang. Keselamatan fizikal, seperti pembebasan daripada masalah, pembebasan daripada perjuangan yang mengancam nyawa, fizikal dan juga keamanan dan ketenangan. Manakala keselamatan emosi pula bebas daripada emosi yang mempunyai kualiti negatif seperti takut, marah, sedih, cemas, takut dan rasa bersalah. Kestabilan ekonomi lebih kepada orang dewasa yang inginkan pekerjaan yang memenuhi keperluan hidup mereka. Keperluan keselamatan ini penting untuk memastikan kesejahteraan hidup. Apabila keperluan fisiologi dipenuhi sebagai keperluan asas, orang ramai boleh memenuhi dan mencari keperluan keselamatan hidup.

Dalam novel *Anthinma Kaalam*, dari aspek keselamatan fizikal Gunasegaran yang diperlukan oleh beliau ialah ingin menyelamatkan kawannya yang bernama Indra daripada kerani estet. Hal ini kerana, kerani tersebut mengambil kesempatan terhadap Indra. Sebab utama Gunasegaran mahu kerana kehidupan Indra serta pendidikan Indra tidak harus musnah. Sebelum ini, Indra pernah memberitahu secara simboliknya kepada Gunasegaran tentang keadaan yang sedang berlaku dalam kehidupannya. Situasi ini boleh dilihat dalam teksnya seperti petikan dibawah:

Abraham telah merogol Indra. Indra sudah kurang pergi ke sekolah dan akhir sekali dia berhenti datang ke sekolah kerana rasa malu. Akhirnya, dapat kesan yang dia mengandung.

(Vaanathu Veligal, 1981: 21-22)

Oleh sebab Gunasegaran telah dapat tahu bahawa kerani tersebut telah merogol Indra, dia tidak dapat menahan kemarahan sendiri dan pergi ke rumah kerani tersebut untuk membunuhnya. Sebaliknya, Gunasegaran telah ditikam kerani tersebut dengan pisau dan melarikan diri dari estet dengan sikap ketakutan. Justeru itu, tindakan yang telah dilakukan oleh Gunasegaran ini telah memberi masalah kepada ibu bapa dan keluarganya serta pendidikan terjejas.

Seperti juga watak Surya dalam novel *Thediyirukum Tharunanggal*, memerlukan keselamatan dari aspek emosi ini. Keselamatan emosi yang diperlukan oleh watak Surya ialah beliau ingin bebas dari perasaan kecewa serta kesedihan yang melanda dirinya. Hal ini kerana, Surya dipenuhi dengan kedukaan dan kesedihan selepas kematian ayahnya yang disayangi. Selepas kematian ayahnya, pak cik Surya telah memaksa ibunya untuk membuat pembahagian hartanya. Pada masa itu, Surya telah mengetahui beliau bukannya anak kandung kepada keluarga tersebut. Apabila adik lelaki telah mengetahui perkara tersebut, dia langsung tidak menghormati Surya sebagai abangnya dan sering mendengar apa yang diberitahu oleh pak ciknya. Buktinya seperti petikan berikut:

'jangan cakap beliau adalah ayah awak' jerit Chandra. 'Awak bukan anak dia sendiri, awak ialah anak angkat. Saya dan adik perempuan sahaja anak dia sendiri.

(Thediyirukum Tharunanggal, 1993: 171)

Bukti ini telah menunjukkan bahawa kehidupan Surya telah menjadi huru-hara dan tidak tahu apa yang perlu dilakukan selepas itu. Keadaan ini telah menjejaskan ketenangan Surya dalam hidupnya.

Seterusnya keperluan keselamatan dari aspek kestabilan ekonomi diperlukan oleh Ganesan dalam novel *Kadhaliinaal Alla*. Ganesan memerlukan bantuan mak cik pula untuk melanjutkan pelajaran di universiti. Hal ini kerana, bapa kepada Ganesan seorang yang tidak bertanggungjawab serta seorang kaki botol dan menggunakan gaji seharian untuk meminum arak. Ganesan merupakan seorang yang pandai, rajin dan berpengetahuan. Oleh itu, mak cik Ganesan telah mengetahui tentang dia dan membawa ke bandar dari estet dan memberi serta memenuhi segala keperluan Ganesan. Walaupun Ganesan tidak seberapa bersetuju dengan mak cik tetapi dia terpaksa ikut arahan mak ciknya. Situasi ini boleh dilihat dalam teksnya seperti petikan dibawah:

Tetapi, Ganesan rasa malu untuk belajar dan makan di rumah Mak Cik semasa ayah dan ibunya masih hidup.

(Kadhaliinaal Alla, 1999: 754)

Keadaan ini menunjukkan pendapatan keluarga Ganesan tidak stabil dan tetap. Oleh itu, Ganesan perlu bergantung kepada mak cik untuk memenuhi keperluan dan kehendak diri sendirinya.

**Jadual 2: Keperluan Keselamatan Secara Keseluruhan dalam novel Re. Karthigesu**

Watak	Keperluan Keselamatan (Keseluruhan)
Gunasegaran	✓
Surya	✓
Sundram	✓
Ganesan	✓
Kathiresan	✓

Analisis menunjukkan bahawa kelima-lima watak, iaitu Gunasegaran (*Vaanathu Veligal*), Surya (*Thediyirukum Tharunanggal*), Sundram (*Anthima Kaalam*), Ganesan (*Kadhalinaal Alla*) dan Kathiresan (*Sudhattam Aadum Kaalam*) yang mempunyai kekurangan pada peringkat keperluan keselamatan yang terdapat dalam Pendekatan Hierarki Keperluan ini. Namun, keperluan keselamatan mereka berbeza-beza mengikut kekurangan masing-masing. Apabila wujud sesuatu kekurangan dalam diri seseorang maka individu tersebut akan mencari jalan atau terdorong untuk memenuhi kekurangan itu.

### Peringkat Kasih Sayang dan Cinta

Setiap manusia memerlukan kasih sayang sama ada daripada ibu, bapa, guru, suami atau isteri, kiran serta masyarakat sekeliling. Perkara ini adalah penting bagi menstabilkan emosi manusia. Menurut Rogers (1995) dalam Mahmood Nazar Mohamed (1990: 275), manusia memerlukan perhatian positif, iaitu keperluan untuk disayangi, disukai, dihormati, diterima dan dikasihi oleh orang lain. Begitu juga dengan semua golongan manusia, tidak kira golongan kanak-kanak ataupun golongan orang tua yang memerlukan kasih sayang dari ibu bapa, suami atau isteri, rakan-rakan, guru, jiran serta masyarakat khususnya. Manusia yang tidak mendapat perhatian dan kasih sayang daripada orang lain akan bertindak untuk mendapatkan keperluan yang satu ini.

Pada peringkat ini, lima watak utama dalam kesemua novel ini mempunyai kekurangan yang perlu dipenuhi dan dicapai oleh mereka. Dalam diri setiap manusia, pencipta manusia membekalkan pelbagai jenis perasaan. Contohnya perasaan suka, benci, sayang, sedih dan gembira. Namun, cinta adalah salah satu aspek terpenting dalam kehidupan manusia. Melalui cinta, manusia akan bertahan dan berjuang untuk menjalani kehidupan. Cinta boleh dianggap sebagai fitrah dalam kehidupan manusia. Cinta yang dimaksudkan bukan sekadar percintaan atau percintaan antara lelaki dan perempuan sahaja. Tetapi cinta pada peringkat ini lebih bersifat universal, iaitu cinta pada diri sendiri, cinta pada keluarga, saudara mara, sahabat handai dan orang sekeliling.

Pada peringkat keperluan kasih sayang dan cinta sesama manusia ini, Gunasegaran dalam novel *Vaanathu Veligal* mempunyai kekurangan yang perlu dipenuhi oleh beliau. Terdapat keperluan kasih sayang dan cinta sesama manusia yang utama diperlukan oleh Gunasegaran. Gunasegaran mahukan kasih sayang dari kedua ibu bapanya. Penyebab dan desakan utama Gunasegaran perlu memenuhi keperluan pertama ini adalah kerana Gunasegaran hanya mendapat kasih sayang ibunya tetapi dia tidak dapat kasih sayang ayahnya dalam kehidupan dia. Hal ini akan mengganggu pemikiran dia serta menjejaskan pendidikan dia. Pada waktu malam, sentiasa ayah dia balik dari kerja dengan dirinya yang tidak stabil kerana ayah dia seorang kaki botol dan selepas balik ke rumah, ayah dia sentiasa marah dan pukul ibu Gunasegaran. Keadaan ini akan mengganggu pemikiran dan mewujudkan sikap benci terhadap ayahnya. Ayah Gunasegaran tidak menggalakkan dia untuk belajar. Ibu sentiasa memberi semangat kepada Gunasegaran untuk belajar bersungguh-sungguh dan akan memberi duit untuk membeli buku walaupun keluarganya berada dalam keadaan miskin. Bukti seperti di petikan berikut:

Velammal memandang pada Gundan (Gunasegaran). Dia menunduk kepala dengan sikap takut terhadap ayahnya. Guru menyuruh Kundan membeli buku! Buku Matematik! Oleh itu, duit itu telah diberi kepada dia untuk membeli buku.

(Vaanathu Veligal, 1981: 9)

Kebuktiaan ini menunjukkan bahawa, watak utama Gunasegaran mempunyai keinginan untuk mendapatkan kasih sayang daripada ibu bapa dan keluarganya.

Surya dalam novel *Thediyirukum Tharunanggal* memerlukan keperluan kasih sayang ini dalam kehidupannya. Surya ingin memiliki keluarga yang bahagia dan sempurna seperti orang lain. Sehingga ayahnya hidup, Surya mempunyai keluarga yang sempurna tetapi selepas kematian ayahnya, keluarga tersebut telah menjadi huru-hara. Tiada orang yang memberi kasih sayang kepadanya dan telah mengetahui ibu yang ada sekarang bukannya ibu kandung. Sehingga ayah ada, beliau telah memenuhi keperluan dan kehendak Surya serta memberi semangat untuk belajar bersungguh-sungguh. Selagi ayah telah meninggal dunia, pendidikan Surya telah menjadi tanda soal. Hal tersebut telah memberi kesan yang besar seperti tekanan dalam kehidupan Surya. Bukti seperti di petikan berikut:

Surya, ayah telah mengeluarkan beberapa ribu wang untuk pendidikan awak semasa beliau hidup lagi. Tetapi, sekarang beliau sudah meninggal dunia. Awak sudah habis belajar sarjana muda. Selepas ini, awak kena mencari wang saku dengan sendiri. Kini, tiada kekuatan untuk mencari wang untuk bagi awak.

(Thediyirukum Tharunanggal, 1993: 170)

Bukti ini menunjukkan bahawa ayah dia tidak berasa bebanan untuk mengeluarkan duit bagi pendidikan Surya. Di sini kita boleh melihat bahawa betapa banyaknya kesayangan seorang ayah terhadap anaknya demi menjayakan dia dalam bidang pendidikan.

Pada bahagian kasih sayang dan cinta sesama manusia ini, watak Sundram dalam novel *Anthima Kaalam* telah berjaya memenuhi keperluan ini tanpa mengalami sebarang kekurangan. Sundram mempunyai keluarga yang amat menyayanginya serta mempunyai beberapa orang kawan baik yang sentiasa bersamanya sama ada di waktu susah dan senang terutamanya seorang rakan yang bernama Ramachandran. Bukti seperti di petikan berikut:

Sundram teringat pada rakan sekerja yang telah bersara yang bernama Ramachandran yang sentiasa membantunya di kala susah dan senang.

(*Anthima Kaalam*, 1998: 401)

Sundram berasa dirinya yang amat beruntung kerana mempunyai sahabat yang baik seperti Ramachandran yang sentiasa membantunya di kala susah dan senang dalam kehidupannya. Semasa Sundram menelefon rakannya yang bernama Ramachandran, beliau telah bersetuju tanpa bertanya apa-apa soalnya. Inilah dikatakan berkawan sehingga di akhir hayat. Bukti seperti di petikan berikut:

Dia bangun dan memanggil Ramachandran. Dia bersetuju dengan segala-galanya tanpa persoalan mengapa dan untuk apa. Dia adalah kawan rapat saya. Inilah dikatakan kawan sehingga akhir hayat. Rasa syukur meluap-luap dalam hatinya apabila berfikir tentang rakan Ramachandran.

(*Anthima Kaalam*, 1998: 402)

Bukti-bukti ini menunjukkan bahawa watak utama dalam novel *Anthima Kaalam* dan watak rakan yang bernama Ramachandran sangat menghargai persahabatan ini.

Seterusnya keperluan kasih sayang dan cinta sesama manusia yang dikehendaki oleh watak Ganesan dalam novel *Kadhalinaal Alla*. Peranan ibu bapa sangat penting dalam keperluan ini untuk menggandakan usaha meningkatkan lagi penglibatan para ibu bapa dalam pendidikan anak-anak. Dalam novel ini, bapa kepada Ganesan seorang yang tidak bertanggungjawab serta tidak keinginan untuk memberi pendidikan kepada beliau. Walaupun, bapa Ganesan tidak menunjukkan kasih sayang terhadap dia sebaliknya ibu serta keluarga mak cik sangat sayang terhadap Ganesan. Bukti seperti di petikan berikut:

Mengapa awak nak belajar? Apa yang dapat jika awak belajar?

(*Kadhalinaal Alla*, 1999: 795)

Oleh itu, kasih sayang akan memainkan peranan yang sangat penting terhadap anakanak masa kini dengan memberi semangat dalam kehidupan mereka untuk berjaya dalam hidup.

Kathiresan dalam novel *Sudhattam Aadum Kaalam* juga yang memerlukan keperluan ini dalam kehidupannya. Kathiresan amat memerlukan kasih sayang dan cinta daripada keluarganya. Desakan utama yang mendorong Kathiresan untuk memenuhi keperluan ini kerana ibunya pula telah melarikan diri semasa beliau masih kecil. Manakala, ayahnya seorang yang panas baran yang sering dengar dan percaya terhadap percakapan mak cik yang selalu menyalahkan Kathiresan bagi kesalahan yang tidak dilakukan. Tekanan ini memberi kurang semangat kepada Kathiresan untuk menumpukan perhatian untuk belajar. Guru-guru juga pernah melihat keadaan Kathiresan yang kurang semangat serta mempunyai luka. Bukti seperti di petikan berikut:

Murugesan kadang-kadang akan melihat dengan keadaan Kathiresan, yang duduk tempang di dalam kelas. Kathiresan akan segan untuk melihat diri guru yang memandang dia. Suatu masa dia akan datang dengan luka yang ada pada tangan dan kaki. Guru Murugesan akan menanya pada Kathiresan, 'apakah ini?'

(*Sudhattam Aadum Kaalam*, 2005: 901)

**Jadual 3: Keperluan Kasih Sayang dan Cinta dalam Novel Re. Karthigesu**

Watak	Keperluan Kasih Sayang dan Cinta
Gunasegaran	✓
Surya	✓
Sundram	x
Ganesan	✓
Kathiresan	✓

Setelah analisis dilakukan terhadap bahagian cinta dan kasih sayang manusia ini, didapati keempat-empat watak tersebut mempunyai kekurangan masing-masing yang perlu dipenuhi. Bagaimanapun, watak Sundram dalam novel *Anthima Kaalam* tidak mempunyai sebarang kekurangan dalam bahagian ini. Perkara ini telah berjaya dibuktikan oleh pengkaji berdasarkan analisis yang telah dilakukan.



## Peringkat Penghargaan Kendiri

Memenuhi sesuatu keinginan atau membenarkan perkara ini berlaku, individu itu perlu terlebih dahulu menghormati dirinya sebelum cuba menjadikan dirinya dihargai oleh orang lain. Untuk memenuhi keperluan ini, antara faktor penting ialah seseorang itu perlu mempunyai keyakinan diri dan berdikari, serta pengiktirafan, perhatian, dan penilaian diri orang lain. Bagi pengkaji, maksud penghargaan kendiri ini ialah pertama, penghayatan, persepsi dan sikap individu terhadap dirinya dan kedua ialah penghargaan yang telah diberikan oleh orang lain terhadap individu tersebut.

Namun begitu, terdapat watak utama yang mengalami kekurangan dari aspek penghargaan kendiri dalam novel tersebut. Watak yang bernama Gunasegaran dalam novel *Vaanathu Veligal* yang mempunyai keperluan ini yang ingin dipenuhi. Iaitu, Gunasegaran mempunyai keinginan untuk belajar serta berjaya dalam kehidupan. Beliau telah menghadapi beberapa cabaran dalam kehidupan serta kehilangan penghargaan kendiri demi mendapatkan pendidikan. Bukti seperti di petikan berikut:

Pekerja buruh perlu belajar ke? Visvalingam bertanya kepada Gunasegaran. Dia tidak membenarkan Gunasegaran untuk sambung belajar dalam pendidikan Peguam. Berani awak berjumpa dengan kawan saya untuk bincang tentang pelajaran ini.

(Vaanathu Veligal, 1981: 50)

Gunasegaran telah berusaha untuk mendapatkan pendidikan bagi diri sendiri. Beliau juga mempunyai keinginan untuk mendapatkan perhatian daripada orang lain serta mahu orang lain menghargai dirinya.

Setelah mengetahui kekurangan penghargaan kendiri pada watak utama Gunasegaran, seterusnya pengkaji akan mencari keperluan kendiri yang diperlukan oleh watak Surya dalam novel *Thediyirukum Tharunanggal*. Penghargaan kendiri pula telah berjaya dicapai oleh Surya dalam novel tersebut apabila watak tersebut telah mendapat penghargaan dan pengiktirafan oleh guru-guru serta pensyarah-pensyarah semasa zaman persekolahan dan juga di universiti. Surya telah menjalankan amanah yang diberikan dengan dedikasi dan cemerlang. Surya tidak mempunyai sebarang kekurangan pada peringkat penghargaan dalam masalah pendidikan tetapi pengarang pernah menyatakan bahawa Surya pernah memikirkan cara bersambung pendidikan selepas kematian ayahnya. Bukti seperti di petikan berikut:

Tidak perlu berfikir tentang profesor untuk masa ini. Sekarang diragukan adakah pendidikan saya akan diteruskan. Bilakah memohon biasiswa? Bilakah akan dapat tawaran scholarship dan akan dilanjutkan pendidikan saya? Semangatnya untuk melanjutkan pelajarannya telah berkurang dalam beberapa hari terakhir ini. Mengapa perlu memberi kepentingan untuk pendidikan ini? Kehidupan yang menjadi inspirasi dan inspirasi untuk pendidikan saya telah pergi kepada tuhan.

(Thediyirukum Tharunanggal, 1993: 192)

Bukti ini menunjukkan bahawa Surya memerlukan memenuhi keperluan penghargaan kendiri selepas kematian ayah. Ayah Surya yang selalu memberi semangat untuk belajar dan memotivasikan dia untuk berjaya dalam kehidupan.

Penghargaan kendiri pula telah berjaya dicapai oleh watak Sundram dalam novel *Anthima Kaalam* apabila beliau telah mendapat penghargaan dan pengiktirafan oleh guru-guru dan pensyarah-pensyarah di sekolah dan di universiti. Sundram telah menjalankan amanah yang diberikan oleh dedikasi dan cemerlang. Beliau tidak mempunyai sebarang kekurangan pada peringkat penghargaan kendiri ini. Sundram seterusnya akan cuba memenuhi keperluan pada peringkat yang terakhir, iaitu keperluan penyempurnaan kendiri setelah beliau tidak mempunyai kekurangan pada peringkat penghargaan kendiri ini. Segala keperluan di peringkat penghargaan kendiri ini telah terpenuhi dan tercapai dengan sendirinya.

Berbeza pula dengan watak Ganesan dalam novel *Kadhalinaal Alla*. Watak utamanya Ganesan mempunyai satu keperluan pada peringkat penghargaan kendiri ini. Keperluan tersebut ialah Ganesan mahu dirinya dihargai oleh orang lain serta menjaga ibu bapa selepas tamat pengajian di universiti. Beliau tidak suka diri sendiri dan juga keluarga berada di bawah tanggungan mak ciknya. Bukti seperti di petikan berikut:

Tetapi, Ganesan rasa malu untuk belajar dan makan di rumah Mak Cik semasa ayah dan ibunya masih hidup.

(Kadhalinaal Alla, 1999: 754)

Bukti ini menunjukkan bahawa Ganesan hilang penghargaan kendiri apabila berada di bawah tanggungan mak ciknya. Hal ini kerana, mak cik yang sentiasa memberi wang saku kepada Ganesan untuk belajar serta membeli keperluan dan kehendak diri sendiri.

**Jadual 4: Keperluan Penghargaan Kendiri dalam Novel Re. Karthigesu**

Watak	Keperluan Penghargaan Kendiri
Gunasegaran	✓
Surya	x
Sundram	x
Ganesan	✓
Kathiresan	x

Kesemua watak dalam lima buah novel yang telah dipilih berjaya memenuhi keperluan pada peringkat penghargaan sendiri. Pada pendapat pengkaji, pengiktirafan dan sokongan dari rakan sebaya, keluarga serta masyarakat sekeliling amat diperlukan oleh golongan ini. Pengiktirafan serta sokongan dari rakan sebaya, keluarga dan masyarakat akan memberi peluang kepada manusia itu untuk mempraktikkan tingkah laku yang baru serta mengembangkan lagi kemahiran sosial mereka pada masa yang akan datang. Manusia sebagai kitaran hidupan yang mempunyai perasaan lumrahnya ingin dihargai, dihormati, diterima oleh keluarga, masyarakat dan rakan sebaya.

### Peringkat Penyempurnaan Kendiri

Penyempurnaan sendiri bermaksud keinginan orang yang sempurna berasaskan sifat, tingkah laku dan potensi sedia ada. Anggapan dan pendapat itu adalah berasaskan kepekaan dan kesedaran tentang kekuatan dan kelemahannya. Kesedaran itu pula lahir daripada maklum balas, gerak balas atau prestasi individu lain di sepanjang pergaulan, sosialisasi atau interaksi dengan individu lain (Azizi Yahaya & Jaafar Sidek Latif, 2005: 8). Menurut Abraham H. Maslow (1970: 46) pada peringkat penyempurnaan sendiri ini manusia atau individu tersebut sudah mencapai kepuasan tertinggi dalam hidupnya, dalam bidang yang diterokai, malah individu tersebut juga telah berjaya menguasai bidang tersebut secara menyeluruh dan dengan sebaik-baiknya.

Dalam novel *Vaanathu Veligal*, watak Gunasegaran masih belum berjaya mencapai peringkat penyempurnaan sendiri ini. Namun demikian, beliau mempunyai matlamatnya sendiri, iaitu keinginan dalam pelajarannya dan mencapai cita-cita yang ingin jadi penguam. Gunasegaran ingin menyambung pelajaran di sekolah dan selepas itu di universiti dalam bidang penguam. Bukti seperti di petikan berikut:

Peperiksaan Senior Cambridge telah mendekati. Sehingga itu, kebimbangan besar adalah sama ada Vishwalingam akan membiarkan dirinya belajar atau tidak. Soalan yang sering timbul dalam hatinya bahawa adakah keinginan untuk menjadi seorang penguam akan menjadi kenyataan.

(Vaanathu Veligal, 1981: 59)

Perkara ini menunjukkan bahawa Gunasegaran telah belajar dan berjaya dalam kehidupan melalui pendidikan.

Surya juga dalam novel *Thediyirukum Tharunanggal* masih belum mencapai peringkat penyempurnaan sendiri dan beliau sedang berusaha ke arah ini. Tumpuan dan matlamat Surya jelas, iaitu beliau ingin berjaya dalam bidang keusahawanan tetapi selepas kematian ayah Surya, matlamat beliau telah menjadi persoalan dalam kehidupannya. Bukti seperti di petikan berikut:

Ayahnya, yang membelanjakan sejumlah besar pendapatan yang dia peroleh sebagai posmen, menyakinkan ibu yang tidak senang dengan sesekali mengingatkannya akan masa depan anak-anak lain untuk memuaskan keinginannya untuk belajar.

(Thediyirukum Tharunanggal, 1993: 134)

Sebenarnya, fikiran saya tidak ada dalam pendidikan saya, Encik Kandasamy. Saya hanya mahu mencari pekerjaan yang sesuai dengan diri saya sendiri.

(Thediyirukum Tharunanggal, 1993: 201)

Bukti-bukti ini menunjukkan bahawa watak utama mempunyai keinginan untuk belajar dan matlamat pula menjadi persoalan setelah ayahnya meninggal dunia. Pada akhirnya, pengarang dapat menamatkan cerita dengan mengatakan dia telah pergi ke luar negara untuk melanjutkan pelajaran. Keperluan ini berada dalam keadaan proses untuk memenuhinya.

Sundram dalam novel *Anthima Kaalam* sudah mencapai peringkat penyempurnaan sendiri dan beliau telah berjaya dalam kehidupan. Tumpuan dan matlamat Sundram sangat jelas, iaitu beliau ingin menjadi seorang guru dan telah meneruskan kehidupannya menuju ke puncak yang tertinggi dalam kehidupannya. Beliau telah berjaya memenuhi keperluan ini dalam kehidupan. Pada tahap ini, Sundram telah mencapai tahap penyempurnaan sendiri yang disebut oleh Abraham H. Maslow (1970: 46) iaitu sebagai manusia yang sudah mencapai kepuasan tertinggi dalam hidupnya dalam bidang yang diterokai dan dia dapat menguasai bidang tersebut secara menyeluruh dan dengan sebaik-baiknya. Dari segi bidang pendidikan, watak utama Sundram telah berjaya dalam bidang tersebut.

Begitu juga bagi watak Ganesan dalam novel *Kadhaliinaal Alla*. Ganesan yang masih belum mencapai peringkat penyempurnaan sendiri dan beliau sedang berusaha ke arah tersebut. Badri turut mempunyai cita-cita untuk menamatkan pelajaran di universiti yang sedang belajar di USM. Selain itu, dia ingin membalas jasa mak cik yang selama ini banyak menanggung segala keperluan sama ada dari segi keperluan asas, keperluan pembelajaran, ekonomi dan sebagainya. Bukti seperti di petikan berikut:

'Saya perlu bergantung padanya untuk kos pembelajaran saya buat masa ini.'

(Kadhaliinaal Alla, 1999: 770)

Petikan ini menunjukkan dengan jelas bahawa matlamat serta keperluan penyempurnaan sendiri yang hendak dipenuhi oleh Ganesan dalam kehidupannya.

Watak terakhir dalam perbincangan peringkat penyempurnaan sendiri ini ialah watak Kathiresan dalam novel *Sudhattam Aadum Kaalam* sudah mencapai peringkat penyempurnaan sendiri dan beliau telah berjaya dalam kehidupan. Tumpuan dan matlamat Kathiresan sangat jelas, iaitu beliau ingin menjadi seorang pensyarah dalam bidang komunikasi dan telah meneruskan kehidupannya menuju ke puncak yang tertinggi dalam kehidupannya. Beliau telah berjaya memenuhi keperluan ini dalam kehidupan.

**Jadual 5: Keperluan Penyempurnaan Kendiri dalam Novel Re. Karthigesu**

Watak	Keperluan Penyempurnaan Kendiri
Gunasegaran	x
Surya	✓
Sundram	x
Ganesan	✓
Kathiresan	x

Pengkaji mendapati bahawa, tiga daripada lima novel, pengarang telah meletakkan matlamat dan visi yang jelas kepada watak-watak utama dalam novel-novel tersebut. Setiap watak mempunyai matlamat, cita-cita yang perlu dicapai dan mereka akan sedaya upaya berusaha untuk mencapai ke arah penyempurnaan kendiri ini seperti yang dikatakan oleh Abraham H. Maslow (1970: 46) bahawa seorang individu yang telah mencapai tahap penyempurnaan kendiri ini mestilah mahir dalam bidang yang diterokai dan dapat menguasai bidang tersebut dengan sebaiknya.

### Persoalan Kajian 2:

Apakah strategi-strategi yang diambil oleh watak-watak utama dalam novel-novel penulis Re. Karthigesu untuk mengatasi cabaran pendidikan berdasarkan Teori Hierarki Keperluan Maslow?

Menurut watak **Gunasegaran** dalam novel *Vaanathu Veligal* telah menggunakan beberapa strategi untuk mengatasi cabaran pendidikan dalam kehidupan. Strategi yang digunakan ialah mendapat sokongan ibu, berkawan dengan anak perempuan Visvalingam yang bernama Kamala untuk mendapatkan bahan pembelajaran dan beliau telah bertemu dengan Tunku untuk mendapatkan surat sokongan belajar di luar negara sebagai titik permulaan kejayaan dalam hidup. Seterusnya, Gunasegaran telah jatuh cinta dengan Kamala dan mengandungkannya serta menetapkan beberapa syarat kepada bapa Kamala untuk berkahwin. Watak utama telah menggunakan situasi tersebut untuk mencapai matlamat yang diinginkan.

Seterusnya, watak **Surya** dalam novel *Thediyirukum Tharunanggal* telah menggunakan strategi untuk mencapai cita-cita yang diinginkan dan juga memenuhi kehendak bapanya. Strategi yang digunakan oleh watak Surya ialah menggunakan wang simpanan ayah atas namanya untuk digunakan menyambung pelajaran di UK. Kedua, pensyarah Surya berjanji untuk menjadikan Surya sebagai pembantu dalam beberapa projek dan dia juga akan memberinya pendapatan tertentu setiap bulan. Oleh itu, Surya mampu membayar yuran pengajian secara berdikari. Surya terpaksa menanggung sendiri bayarannya selepas kematian ayah tercinta. Oleh itu, Surya telah menggunakan dua strategi ini untuk menghadapi cabaran pendidikan dalam hidupnya.

Watak **Sundram** dalam novel *Anthima Kaalam*, tidak menghadapi sebarang cabaran terhadap pendidikan. Hal ini menyebabkan ayah kepada watak Sundram sanggup memberi pendidikan kepadanya. Selepas kematian ayahnya, kakak kepada Sundram telah mengambil tanggungjawab ayahnya untuk memberi pendidikan kepada adiknya Sundram. Oleh itu, pengkaji menghadapi halangan untuk menjelaskan masalah pendidikan yang dihadapi oleh watak utama kerana plot cerita berlebihan terhadap masalah kesihatan dan juga masalah keluarga yang dihadapi oleh watak utama Sundram.

Seterusnya, watak **Ganesan** dalam novel *Kadhalinaal Alla* telah menggunakan beberapa strategi untuk mencapai cita-citanya. Strategi Ganesan adalah bergantung kepada ibu saudaranya untuk memenuhi segala keperluan dan juga kehendak dalam hidup. Apabila keluarga Ganesan tidak dapat melengkapkan keperluan dan kehendak, watak bergantung kepada ibu saudaranya. Makvcik Ganesan sangat menyayangi Ganesan. Apabila ibu saudara mengetahui keadaan keluarga Ganesan, dia telah membawa Ganesan bersamanya ke bandar selepas suaminya meninggal dunia. Oleh itu, keadaan itu telah menjadi strategi kepada Ganesan.

Watak **Kathiresan** dalam novel *Sudhattam Aadum Kaalam*, Kathiresan telah melarikan diri dari rumahnya sendiri apabila dia tidak tahan dengan kekejaman ibu saudara dan bapanya. Selepas kejadian itu, Kathiresan telah tinggal bersama keluarga seorang guru bernama Murugesan dan mereka telah menjaganya dengan baik. Kehadiran Kathiresan di pangkuan keluarga Murugesan menjadi strategi untuk menghadapi cabaran pendidikan dalam hidupnya.

Strategi lima watak utama dalam novel Re. Karthigesu telah memberi kesan yang baik kepada mereka semua dan mereka dapat memenuhi keperluan pemenuhan diri dalam hidupnya.

### Cadangan Kajian yang Selanjutnya

Dalam kajian ini, penyelidik dari semua lapisan masyarakat India di Malaysia bertujuan untuk memberikan cadangan untuk penyelidikan masa depan. Penyelidik telah mencadangkan penyiasatan lanjut tentang novel Re. Karthigesu untuk masa depan. Para penyelidik juga mencadangkan agar penyelidik lain mencari isu yang boleh dikenal pasti dengan protagonis novel Re. Karthigesu, selain isu keibubapaan.

Selain itu, pengkaji juga menyarankan kepada pengkaji lain boleh menggunakan Teori Hierarki Keperluan yang lain seperti Teori Motivasi Abraham Maslow untuk mengkaji novel Re. Karthigesu pada masa hadapan. Sumbangan kajian ini adalah seperti yang diketahui, tahap hierarki keperluan yang telah dicipta oleh Abraham H. Maslow tidak sepenuhnya lengkap. Terdapat ciri di bawah beberapa keperluan yang perlu ditambah dan diubah suai mengikut situasi. Oleh itu, menjadi tugas pengkaji untuk membuat beberapa penambahan ciri serta menambah baik beberapa aras yang terdapat dalam hierarki keperluan sehingga kemunculan Pendekatan Hierarki Keperluan Maslow.

Cadangan kajian seterusnya ialah pengkaji telah menjalankan kajian ini untuk mengetahui cabaran pendidikan yang dihadapi oleh watak utama. Justeru, pengkaji akan datang boleh membuat kajian tentang watak sampingan seperti kawan, isteri dan adik-beradik kepada watak utama, yang menghadapi cabaran. Seterusnya, pengkaji juga berharap agar kajian yang dihasilkan oleh pengkaji dapat memberi manfaat kepada pengkaji akan datang. Tambahan pula, semua topik dalam kajian ini boleh dikatakan

sebagai topik khusus untuk kajian yang lebih terperinci. Sehubungan dengan itu, kajian ini akan menjadi lembaran baru untuk kajian lanjutan.

Sumbangan kajian ini ialah sebagaimana yang diketahui, peringkat hierarki keperluan yang telah dicipta oleh Abraham H. Maslow tidak lengkap sepenuhnya. Terdapat ciri-ciri di bawah beberapa keperluan yang perlu ditambah dan diubah suai mengikut keadaan. Oleh yang demikian, menjadi tugas pengkaji untuk melakukan beberapa penambahan ciri serta memperbaiki sebahagian daripada peringkat yang terdapat dalam hierarki keperluan tersebut sehinggalah munculnya Pendekatan Hierarki Keperluan Manusia.

Harapan dan cadangan pengkaji agar penerapan dan penggunaan Pendekatan Hierarki Keperluan Manusia ini diperkembangkan oleh para pengkaji dan pengkritik sastera yang lain terutama pada peringkat keempat, iaitu penghargaan sendiri dan peringkat kelima, penyempurnaan sendiri. Berdasarkan analisis yang telah dilakukan pengkaji mendapati bahawa Pendekatan Hierarki Keperluan Manusia ini amat sesuai untuk diaplikasikan bagi melihat keperluan, kemahuan dan kehendak golongan individu masa kini. Selain itu juga, pengkaji mengharapkan agar pengarang yang akan menghasilkan novel pada masa hadapan seharusnya menekankan atau menonjolkan isu keagamaan dan isu alam sekitar selain daripada isu yang sering diperkatakan, iaitu kasih sayang.

## Kesimpulan

Re. Karthigesu merupakan seorang novelis yang gemar mencipta kisah-kisah yang memaparkan realiti hidup dengan gaya penceritaannya yang begitu unik berbanding dengan penulis-penulis lain. Pengkaji telah menggunakan Teori Hierarki Keperluan Maslow yang dipelopori oleh Abraham Maslow untuk menjayakan kajian ini. Menurut Abraham H. Maslow, Teori Hierarki Keperluan Manusia ini digunakan untuk melihat pola keperluan dan kehendak manusia. Keperluan itu terdiri daripada lima peringkat yang utama iaitu, keperluan fisiologi, keperluan keselamatan, keperluan kasih sayang dan keinginan dimiliki, keperluan penghargaan sendiri dan keperluan penyempurnaan sendiri (Abraham H. Maslow, 1970: 35- 47). Abraham H. Maslow turut mengatakan keperluan adalah kehendak manusia bagi menyempurnakan keadaan kekurangan, gangguan dan ketidakseimbangan yang telah berlaku dalam diri mereka. Keperluan manusia boleh diklasifikasikan kepada keperluan fisiologi dan keperluan psikologi. Keperluan fisiologi adalah keperluan asas. Manakala keperluan psikologi adalah keperluan sekunder (Azizi Yahaya & Jaafar Sidek Latif, 2005: 265).

Dengan ini terbuktilah bahawa analisis data yang dihasilkan oleh pengkaji adalah sah dan tepat. Kajian ini berjaya menganalisis cabaran pendidikan yang dihadapi oleh watak-watak utama dalam novel Re. Karthigesu. Objektif kajian yang dilakar untuk mengenal pasti cabaran-cabaran pendidikan yang dihadapi oleh watak-watak utama dalam novel-novel Re. Karthigesu berdasarkan Teori Hierarki Keperluan Maslow. Keduanya, pengkaji telah menganalisis strategi-strategi yang diambil oleh watak-watak utama dalam novel-novel Re. Karthigesu untuk mengatasi cabaran pendidikan berdasarkan Teori Hierarki Keperluan Maslow. Ketiganya, pengkaji telah menilai keberkesanan strategi-strategi yang digunakan oleh watak-watak utama dalam novel-novel Re. Karthigesu berdasarkan Teori Hierarki Keperluan Maslow.

## RUJUKAN

- Azizi Yahaya, Jaafar Sidek Latif, Shahrin Hashim & Yusof Boon. (2005). *Psikologi Kognitif*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Birdsall, N. (1980). *Population and Rural Development in Malaysia: Kajian Ekonomi Malaysia*. Malaysia. 24-34.
- Karthigesu Renggasamy. (1981). *Vaanathu Veligal*. Chennai: Mugil Enterprise.
- Karthigesu Renggasamy. (1993). *Theedi Irukkum Tharunangal*. Pulau Pinang: Arasu Typeset.
- Karthigesu Renggasamy. (1998). *Anthimakkaalam*. Chennai: Mugil Enterprise.
- Karthigesu Renggasamy. (1999). *Kadhalaal Alla*. Chennai: Mugil Enterprise.
- Karthigesu Renggasamy. (2005). *Sudaatham Aadum Kaalam*. Chennai: Mugil Enterprise.
- Maslow, A.H. (1943). *A Theory of Human Motivation*. Psychological Review, 50, 370-390.
- Maslow, A.H. (1962). *Towards A Psychology of Being*. Princeton. D. Van Nostrand Company.
- Maslow, A.H. (1964). *Towards A Psychology of Being*. Princeton. D. Van Nostrand Company. Maslow, A.H. (1968). *Towards A Psychology of Being*. New York: D. Van Nostrand Company.
- Maslow, A.H. (1970). *Motivation and Personality*. New York: Longman, Inc.
- Sidek Baba (2009). *Acuan Minda*. Kuala Lumpur: Alaf 21.
- Zainon Omar & Ahmad Esa. (2008). *Persepsi Guru Terhadap Hubungan Pihak Sekolah Dengan Ibu Bapa*. Seminar Kebangsaan Pengurusan Pendidikan PKPGB 2008: UTHM.
- Che Zalina Zulkifli & Widad Ismail. (2011). *Implementation of Embedded Active RFID with Wireless Mesh Sensor Network for Industrial Automation*. Electronics World, 117(1908), 28-36.

Malarvili Jaganathan  
Universiti Pendidikan Sultan Idris  
Email: jmalarvili88@gmail.com

Manonmani Devi M.A.R Annamalai  
Universiti Pendidikan Sultan Idris  
Email: manonmanidevi@fbk.upsi.edu.my